

BAB 5

PERANAN DAN KEGIATAN NCWO DALAM PROSES PENGGUBALAN DAN PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGARA

5.1 Pendahuluan

Dasar Wanita Negara 1989 (DWN) ialah sebuah dasar yang penting bagi menyediakan garis panduan terhadap hala tuju rancangan dan program untuk melibatkan wanita dalam pembangunan negara. Sebelum DWN dilancarkan dalam tahun 1989, tiada dasar yang khusus bagi maksud menyediakan garis panduan seumpama itu. Ini membawa pengertian sebelum DWN digubal, rancangan dan program bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara dilakukan tanpa strategi-strategi yang khusus, sasaran tertentu dan juga tanpa ada menjelaskan kategori kumpulan sasarannya.

Sesudah DWN digubal dan dilancarkan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang konkret bagi memastikan pelaksanaan dasar berkenaan. Pencapaian wanita dalam pelbagai bidang terutamanya ekonomi dan pekerjaan dalam tempoh kira-kira 10 tahun DWN dilancarkan dapatlah disifatkan sebagai kejayaan DWN di pelbagai peringkat pelaksanaan itu. Antara langkah signifikan yang diambil di pihak Kerajaan bagi memastikan DWN mencapai matlamatnya itu ialah melalui pembentukan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 1996** (dikemaskini 1997).

Rasional DWN dipilih sebagai satu kajian kes ialah kerana proses penggubalan DWN yang melibatkan *NCWO* berkenaan berlangsung ketika Majlis itu telah semakin kukuh, yang sekaligus telah juga menjadikan sumber-sumber Majlis tersebut pada ketika itu seperti kepakaran dan pengalaman serta sumber yang lain sekain berkembang dan meluas. Keadaan ini menjadikan penglibatan *NCWO* di pelbagai

peringkat input politik bagi mempengaruhi proses penggubalan dasar berkenaan berlaku bukan sahaja dengan lebih menyeluruh malah isu-isu yang dikenalpasti, diketengah dan dirumuskan oleh Majlis berkenaan lebih berasas dan meyakinkan. Ertinya, Majlis berkenaan telah berperanan penting mengemukakan hujah-hujah konkret tentang keperluan sebuah dasar yang khusus bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara, menyediakan memorandum DWN dan selanjutnya merumuskan isu-isu yang berkaitan dengan perlu perlibatan wanita dalam pembangunan negara dalam DWN berkenaan.

Peranan *NCWO* tidak terhenti di situ sahaja malah terus terlibat aktif di pelbagai peringkat output politik seperti pelaksanaan dasar berkenaan. Berikut semakin kukuh dan semakin meningkatnya pelbagai sumber Majlis berkenaan, pelaksanaannya juga dapat dilakukan dengan lebih menyeluruh dan sistematik melalui penubuhan pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Wanita Negara *NCWO* dan Jawatankuasa Pemantauan Dasar Wanita Negara *NCWO (Women Watch)*.

Bab ini membincangkan peranan dan kegiatan *NCWO* dalam pelbagai peringkat proses penggubalan dan pelaksanaan DWN berkenaan. Bagi memahami dinamika peranan *NCWO* itu, analisis dilakukan terhadap aspek-aspek seperti keperluan penggubalan DWN, peranan *NCWO* di pelbagai peringkat penggubalan dan pelaksanaan, kandungan-kandungan utama dasar dan pelaksanaan serta pencapaian dasar tersebut.

5.2 Keperluan Menggubal DWN

Mulai tahun-tahun 1970-an, terdapat beberapa perkara yang mendorong kepada meningkatnya kesedaran peri perlunya digubal sebuah dasar yang khusus bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara. Sebelum tahun-tahun 1970-an itu, kesedaran-kesedaran yang ada hanya bersifat sederhana, dengan itu rujukan-rujukan mengenai rancangan dan program bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara lebih bersifat am sahaja. Antara sebab-sebab yang mendorong meningkatnya kesedaran peri perlu penggubalan sebuah dasar wanita yang khusus itu ialah kerana adanya persetujuan-persetujuan di peringkat antarabangsa dan kesedaran terhadap peranan wanita dalam pembangunan negara. Ini dikuatkan lagi dengan ketiadaan sebuah dasar yang khusus bagi memandu perancangan dan program dalam memajukan wanita dan semakin meningkatnya kesedaran gender di kalangan masyarakat, khususnya di kalangan *NGO-NGO* wanita.

Dari segi pengaruh antarabangsa, keperluan menggubal sebuah dasar wanita di negara ini pada peringkat awalnya tercetus daripada persetujuan bagi penggubalan dasar seumpama itu yang terhasil di Persidangan Wanita Sedunia Pertama anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Mexico City dalam tahun 1975. Dalam persidangan tersebut, antara lain persetujuan telah dicapai agar setiap negara anggota PBB yang belum mempunyai satu dasar khusus mengenai wanita menggubal dasar wanita di negara masing-masing. Hal ini tergambar sebagaimana yang terdapat dalam dokumen *World Plan of Action* yang ada menyentuh aspek perundang-undangan mengenai wanita di setiap negara anggota.¹ Persetujuan bagi mewujudkan sebuah dasar khusus mengenai wanita di setiap negara anggota PBB itu juga dicapai selaras dengan pengumuman jangka waktu 1976-1985 sebagai ‘Dekad Wanita’.

Selain itu, beberapa persetujuan lain dicapai melalui persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa seperti di Copenhagen (1980), Nairobi (1985), Nassau (1985) dan beberapa persidangan antarabangsa yang lain. Di peringkat ASEAN pula, persetujuan-persetujuan bagi mewujudkan sebuah dasar yang khusus mengenai wanita juga dicapai melalui beberapa mesyuarat yang dianjurkan oleh *ASEAN Confederation of Women's Organizations (ACWO)*, misalnya melalui mesyuarat agung pertama, kedua dan ketiganya, yang masing-masing diadakan di Jakarta dan Yogyakarta (1984), Kuala Lumpur (1986) dan Singapura (1988). Dalam mesyuarat di Kuala Lumpur misalnya, gesaan telah dibuat agar setiap negara anggota ASEAN menggubal dan mengisyiharkan dasar wanita masing-masing. Antara lain, gesaan itu terkandung dalam sebahagian daripada Resolusi ke-4 yang menyebut:

In order to work towards effective partnership between GOs and NGOs the Assembly urges: The declaration of national policy involving the integration of women at all stages of the development process....²

Keperluan bagi menggubal sebuah dasar mengenai wanita di setiap negara termasuk Malaysia dilihat semakin mendesak khususnya selepas adanya gesaan dan sokongan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel terhadap cadangan Menteri-menteri Komanwel yang bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Wanita di Harare dalam tahun 1987. Cadangan berkenaan antara lainnya dinyatakan seperti berikut:

.....each government should develop a national policy on women and development, integrated into the National Development Plan, in order to provide an appropriate framework through which industries can address women's concerns within their own sectoral areas of responsibility....³

Di samping adanya persetujuan, gesaan dan sokongan di peringkat antarabangsa dan persetujuan di peringkat ASEAN itu, di dalam negeri pula kesedaran kepentingan peranan dan penglibatan wanita dalam pembangunan negara telah semakin meningkat, khususnya semenjak awal tahun-tahun 1970-an itu. Wanita didapati telah terlibat dan menyumbang dalam pelbagai sektor pembangunan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1, peratusan purata taburan penglibatan wanita dalam pelbagai sektor meningkat daripada 31% dalam tahun 1970 kepada 32.7% dalam tahun 1980 dan kepada 35% dalam tahun 1990.

Jadual 5.1

**Peratusan Taburan Pekerjaan di Malaysia Mengikut Sektor dan Jantina
(Bagi Tahun 1970, 1980 dan 1990)**

Sektor	1970		1980		1990	
	Lelaki (%)	Wanita (%)	Lelaki (%)	Wanita (%)	Lelaki (%)	Wanita (%)
Pertanian dan perhutanan	62.0	38.0	61.0	39.0	65.6	34.4
Perlombongan dan kuari	87.4	12.6	89.7	10.3	87.1	12.9
Pembuatan	71.9	28.1	59.9	40.1	53.6	46.4
Elektrik, gas dan air	94.7	5.3	92.5	7.5	93.1	6.9
Pembinaan, borong dan runcit	93.3	6.7	92.9	7.1	95.7	4.3
Perdagangan, perhotelan dan restoran	81.8	18.2	70.7	29.3	61.4	38.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	95.7	4.3	93.7	6.3	88.9	11.1
Perkhidmatan kewangan, insuran, harta tanah dan perniagaan	-	-	70.5	29.5	65.8	34.2
Perkhidmatan komuniti, sosial dan personal	71.1	28.9	70.6	29.4	62.1	37.9
Peratusan Purata	69.0	31.0	67.3	32.7	65.0	35.0

Sumber: Kerajaan Malaysia (1991) *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 415.

Dalam sektor-sektor tertentu pula, peningkatan peratus penglibatan wanita itu lebih ketara, misalnya sektor pembuatan, perdagangan, perhotelan dan restoran, perkhidmatan kewangan, insuran, harta tanah dan perniagaan serta perkhidmatan komuniti, sosial dan personal. Walaupun sekilas pandang peratus peningkatan itu tidak begitu besar tetapi dalam sektor-sektor tertentu peningkatannya bolehlah dikatakan signifikan. Sebagai contohnya, dalam sektor perdagangan, perhotelan dan restoran, peratusan wanita telah meningkat daripada 18.2% dalam tahun 1970 kepada 29.3% dalam tahun 1980 dan kepada 38.6% dalam tahun 1990.

Kesedaran penglibatan wanita dalam pembangunan negara yang mendorong kepada peri perlunya sebuah dasar khusus untuk wanita itu semakin relevan dengan adanya peningkatan bilangan jumlah penduduk wanita. Bilangan penduduk wanita telah meningkat daripada 5.17 juta dalam tahun 1970 kepada 6.55 juta dalam tahun 1980 dan 8.69 juta dalam tahun 1991.⁴ Selain terdapatnya peningkatan penglibatan wanita dalam sektor-sektor tertentu dan peningkatan bilangan penduduk wanita itu, peratus penglibatan wanita juga didapati meningkat dalam pelbagai kategori pekerjaan (kecuali pertanian), sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2. Sebagai contoh, dalam kategori pekerjaan pengeluaran dan berkaitan, peratusan pekerja wanita telah meningkat daripada 10.4% dalam tahun 1970 kepada 17.6% dalam tahun 1980 dan kepada 23.3% dalam tahun 1990.

Jadual 5.2

**Pengagihan Guna Tenaga Mengikut Pekerjaan dan Jantina
(1970, 1980 dan 1990)**

Kategori Pekerjaan	1970		1980		1990	
	L (%)	W (%)	L (%)	W (%)	L (%)	W (%)
Pekerja Profesional, Teknikal & Berkaitan	4.6	5.3	6.4	8.5	6.4	9.4
Pekerja Pentadbiran & Pengurusan	1.0	0.1	1.4	0.3	2.8	0.6
Pekerja Perkeranian & Berkaitan	5.4	4.1	6.8	11.1	7.0	14.1
Pekerja Jualan & Berkaitan	9.8	4.9	10.3	7.2	11.4	11.4
Pekerja Perkhidmatan	8.1	8.4	9.0	9.0	9.9	14.1
Pekerja Pertanian	47.6	66.8	35.9	46.3	29.4	28.1
Pekerja Pengeluaran & Berkaitan	23.5	10.4	30.2	17.6	33.1	22.3
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Kerajaan Malaysia (1991) *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 415.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2 itu, bagi kategori pekerjaan perkeranian dan berkaitan pula, peningkatan adalah daripada 4.1% dalam tahun 1970 kepada 11.1% dalam tahun 1980 dan 14.1% dalam tahun 1990. Begitu juga dalam kategori pekerjaan profesional, teknikal dan berkaitan (kategori pekerjaan yang mendapat perhatian sebahagian besar aktivis wanita dan dianggap berstatus tinggi), peratusan pekerja wanita telah meningkat daripada 5.3% dalam tahun 1970 kepada 8.5% dalam tahun 1980 dan kepada 9.4% dalam tahun 1990.

Penurunan yang ditunjukkan dalam kategori pekerjaan pertanian itu ialah sebahagian besarnya disebabkan kebanyakan wanita telah melibatkan diri dalam kategori-kategori pekerjaan yang lain. Penurunan yang sama juga berlaku pada kaum lelaki dalam kategori pekerjaan pertanian itu. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh langkah-langkah Kerajaan yang mulai penghujung tahun-tahun 1970-

an lebih memberikan tumpuan terhadap sektor perindustrian berbanding sektor pertanian.

Kesedaran peri pentingnya peranan wanita dalam pelbagai sektor pekerjaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual-jadual di atas, yang diiringi pula dengan peningkatan jumlah penduduk wanita itu telah juga menjadi faktor penting yang mendorong Kerajaan menggubal DWN selain daripada persetujuan, gesaan dan sokongan di peringkat antarabangsa yang telah dinyatakan sebelum ini. Walaupun didapati peratusan penglibatan wanita dalam pelbagai sektor semakin meningkat mulai tahun-tahun 1970-an, namun sebuah dasar yang khusus bagi menyediakan panduan, perancangan dan program dalam melibatkan wanita dalam pembangunan negara masih tidak wujud sehingga DWN digubal dan diisytiharkan dalam bulan Disember 1989.

Sebelum DWN dilancarkan, perihal wanita hanya disentuh secara umum sahaja dalam Rancangan-rancangan Malaysia mengikut bidang-bidang tertentu seperti pekerjaan, pendidikan dan kesihatan. Walaupun aspek khusus mengenai wanita ada disebut (dalam satu perenggan) dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980 (RM3)⁵ dan Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990 (RM5) masing-masingnya, secara umumnya tiada garis panduan yang khusus, perancangan yang teliti dan program yang teratur untuk melibatkan wanita dalam pembangunan negara.

Keperluan menggubal dasar mengenai wanita itu semakin bertambah dengan meningkatnya kesedaran gender di kalangan beberapa kumpulan masyarakat. Melalui penyertaan mereka (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dalam persidangan-persidangan wanita sedunia anjuran PBB yang disebut di atas, seminar-seminar yang diadakan di dalam negeri, sambutan Hari Wanita peringkat antarabangsa (8 Mac) dan nasional (25 Ogos) serta dengan adanya perkembangan teknologi

maklumat, ramai pemimpin wanita dan penggiat sosial telah terdedah kepada kesedaran perbezaan-perbezaan gender berkenaan.

Mulai awal tahun-tahun 1980-an, langkah-langkah pengenalpastian isu-isu gender semakin giat dilakukan khususnya melalui penyelidikan individu dan kumpulan-kumpulan yang prihatin terhadap isu gender berkenaan. Penemuan-penemuan penyelidikan berkenaan diketengahkan melalui pelbagai saluran seperti seminar, bengkel, pameran, media massa dan saluran-saluran lain. Dengan meningkatnya kesedaran gender berkenaan dan perkara-perkara yang dibincang di atas tadi maka pihak Kerajaan, khususnya *NACIWID* telah berusaha dengan kerjasama pelbagai pihak seperti *NCWO* untuk menggubal sebuah dasar bagi melibatkan penyertaan wanita dalam pembangunan negara secara terancang .

5.3 Peranan dan Kegiatan *NCWO* di Peringkat Penggubalan Dasar

Sungguhpun tidak dinafikan pelbagai pihak yang lain seperti Kerajaan dan media juga menyumbang kepada penggubalan DWN, namun peranan *NCWO* yang memayungi sebahagian besar *NGO* wanita di Malaysia merupakan yang paling penting dan aktif dalam proses itu berbanding badan-badan lain. Peranan *NCWO* dalam proses penggubalan DWN itu dapat dibahagikan kepada dua tahap, iaitu antara tahun 1975-1986 dan sepanjang 1987-1989. Penglibatan *NCWO* dalam tahap pertama di atas dapat disifatkan sebagai sederhana manakala peranan Majlis itu dalam tahap kedua pula merupakan peranan yang lebih signifikan.

Selepas Persidangan di Mexico City, 1975 (Persidangan yang telah mencetuskan idea penggubalan satu dasar khusus mengenai wanita di setiap negara anggota PBB), *National Advisory Council for the Integration of Women in*

Development (NACIWID) yang diwujudkan di Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1976 telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan *NCWO* mengenai penggubalan dasar tersebut. Menurut Fatimah Hamid Don (ahli akademik, yang juga Naib Presiden *NCWO* Sesi 1972-1974 dan 1974-1976), pada peringkat itu perbincangan yang ada masih tidak konkrit (tiada dalam bentuk dokumen khusus) antara wakil pelbagai pihak dalam *NACIWID* Penggal Pertama (1976-1978) dan Kedua (1979-1983) dengan ahli-ahli *NCWO* seperti Dr. Norlaily Ibrahim (LPPKN) dan F.R. Bhupalan (*YWCA*) serta beberapa pemimpin tertinggi *NCWO* yang lainnya.⁶

Mulai tahun 1983, iaitu pada Penggal Ketiga *NACIWID* (1983-1986), Kerajaan, melalui *NACIWID* telah mengambil langkah-langkah yang lebih tersusun ke arah penggubalan dasar bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara itu. Dalam tahun 1983 itu, sebuah urusetia khas yang menguruskan hal ehwal wanita iaitu Urusetia Hal Ehwal Wanita (*HAWA*)⁷ telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri. Selain menjalankan beberapa fungsi yang lain, *HAWA* juga berfungsi sebagai sekretariat kepada *NACIWID*.

Antara lain, pada ketika itu *HAWA* dipertanggungjawabkan mengemas kini laporan-laporan mengenai kemajuan wanita di Malaysia untuk dibawa ke Persidangan Wanita Sedunia di Nairobi, Kenya dalam tahun 1985. Langkah yang lebih serius ke arah penggubalan dasar berkenaan hanya diambil selepas persidangan di Nairobi itu (persidangan yang menghasilkan dokumen *The Forward Looking Strategies for the Advancement of Women to the Year 2000*, 1985 (biasanya disebut sebagai *Forward Looking Strategies* sahaja) yang antara lain mendorong penggubalan sebuah dasar mengenai wanita di Malaysia), iaitu di penghujung penggal ketiga *NACIWID*.

Sejurus selepas persidangan di Nairobi itu, *NACIWID* Penggal Ketiga telah menjalankan beberapa kajian untuk mengenalpasti isu-isu wanita dalam bidang-bidang seperti kesihatan, pendidikan, perundang-undangan, pekerjaan dan tenaga manusia, penyelidikan, penglibatan *NGO* dan jentera hal ehwal wanita.⁸ Kajian-kajian di atas telah diketuai sendiri oleh Fatimah Hamid Don, ahli *NACIWID* yang juga merupakan perwakilan rasmi *NCWO* ketika itu. Kajian berkenaan dilakukan berasaskan dokumen-dokumen terkini mengenai pembangunan wanita. Ramani Gurusamy, selaku Setiausaha Agung *NCWO* turut terlibat dalam pengurusan seminar-seminar dan bengkel-bengkel kerja *NCWO*. Ini membawa pengertian bahawa walaupun kajian ke arah penggubalan dasar wanita itu pada peringkat berkenaan dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan, iaitu *NACIWID* dan HAWA, penglibatan wakil-wakil *NCWO* dalam *NACIWID* memainkan peranan yang dapat ditafsirkan sebagai sesuatu yang agak signifikan.

Daripada kajian-kajian tersebut, beberapa syor untuk memajukan kedudukan wanita dihasilkan. Antara yang terpenting ialah mewujudkan sebuah dasar bagi mengintegrasikan wanita dalam pembangunan negara, yang bermatlamat tertentu,⁹ yang ketika itu disebut sebagai ‘Dasar Wanita Malaysia’. Pada peringkat cadangan itu, dasar tersebut mempunyai matlamat seperti yang berikut:

....Bagi mengintegrasikan wanita dalam pembangunan negara, ke arah mempertingkatkan taraf dan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, diskriminasi dan ketidakadilan dan mencapai kemajuan, kesejahteraan dan keamanan....¹⁰

Selanjutnya, kandungan yang terdapat dalam syor-syor draf dasar wanita itu ialah enam prinsip dasar, lima cadangan strategi dan tujuh cadangan pelaksanaan dasar. Hasil kajian yang membawa kepada syor-syor yang menjadi kandungan draf awal

dasar wanita berkenaan diperkemas lagi dengan menjemput pelbagai pihak untuk memberikan komen dan pandangan terhadap draf dasar berkenaan. Bagi maksud ini dan sekaligus menunjukkan komitmen Malaysia terhadap dokumen *Forward Looking Strategies* yang baru dihasilkan di Nairobi pada ketika itu, kerjasama NCWO diminta bagi membantu HAWA (yang menjadi sekretariat kepada NACIWID) untuk menganjurkan sebuah seminar bertajuk “Ke Arah Pembentukan Dasar Wanita Negara” yang diadakan selama dua hari di Kuala Lumpur dalam tahun 1987.¹¹

Dalam seminar berkenaan, Noor Farida Ariffin (salah seorang perwakilan Malaysia yang hadir di Persidangan Menteri-menteri Komanwel yang Bertanggung-jawab Bagi Hal Ehwal Wanita di Harare dalam tahun 1987, yang juga ahli Jawatankuasa Tindakan dan Penyelarasaran NCWO) telah menerangkan beberapa perkara asas tentang penggubalan dasar wanita yang perlu dilaksanakan di setiap negara sebagaimana yang dipersetujui dalam persidangan di Harare berkenaan. Perkara-perkara asas berkenaan antara lain termasuklah keperluan mengadakan garis panduan, perancangan dan program bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara, berserta dengan strategi-strategi (jangka pendek dan panjang) dan rancangan-rancangan tindakan mengikut sektor mengenai kemajuan wanita.¹²

Seminar di atas telah dihadiri oleh pemimpin-pemimpin wanita yang mewakili pelbagai agensi kerajaan dan perwakilan daripada beberapa buah NGO wanita, khususnya di kalangan ahli-ahli gabungan NCWO. Daripada seminar itu juga gagasan-gagasan atau idea dicetuskan bagi memajukan wanita dalam pelbagai sektor, khususnya ekonomi dan pekerjaan, perundang-undangan, politik, agama dan budaya, media dan beberapa sektor lain.

Selepas seminar berkenaan, bagi mendapatkan input-input yang lebih menyeluruh mengikut sektor-sektor yang telah dikenalpasti untuk penggubalan DWN, antara tahun 1987 dan 1988 pemimpin *NCWO* telah menjelajah di peringkat negeri untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan *NGO-NGO* wanita. Dalam tempoh tersebut, sebanyak sembilan sesi bengkel telah diadakan di sembilan buah negeri, yang melibatkan pemimpin-pemimpin wanita di peringkat kebangsaan dan negeri.

Lanjutan daripada seminar peringkat kebangsaan dan bengkel-bengkel peringkat negeri tersebut, sebuah jawatankuasa khas *NCWO* yang dipertanggungjawabkan merangka memorandum dasar wanita berkenaan ditubuhkan dalam tahun 1988. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh F.R. Bhupalan (Naib Yang Dipertua *NCWO*, yang juga penggerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Latihan *NCWO*) dan dianggotai oleh pemimpin-pemimpin wanita dari pelbagai profesi. Senarai ahli-ahli jawatankuasa khas *NCWO* berkenaan ditunjukkan dalam Jadual 5.3.

Memandangkan dasar wanita yang hendak digubal itu adalah sebuah dasar yang akan melibatkan semua wanita, maka bilangan aktivis wanita yang ramai, yang mewakili pelbagai *NGO* dan profesi diperlukan untuk menghasilkan sebuah kerangka memorandum yang mewakili semua golongan wanita. Dengan itu, pengalaman dan kepakaran mereka akan dapat dimanfaatkan bagi menghasilkan dasar wanita itu kelak.

Jadual 5.3

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Menggubal Memorandum Dasar Wanita Negara NCWO

1. F. R. Bhupalan – Pengerusi	13. Dr. Norma Mansor (Pensyarah Universiti Malaya)
2. Ramani Gurusamy – Setiausaha	14. Dr. Husna Sulaiman
3. Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shabuddin (Persatuan Siswazah Wanita Malaysia)	15. Manjit Kaur
4. Shanti Dairiam (<i>WAO</i>)	16. Kiranjit Kaur
5. Dr. Amarjit Kaur (<i>University Women's Association</i>)	17. Zainab Wahidin
6. Grace Pold	18. Irene Fernandez (Aktivis wanita)
7. Chan Wei Wei	19. Dr. Cecilia Ng (Pensyarah Universiti Pertanian Malaysia)
8. Rolla Lee (<i>YWCA</i>)	20. Ho Fong Ming
9. Mehrun Siraj (<i>University Women's Association</i>)	21. Jamaliah Sukaimi (<i>CUEPACS</i>)
10. Rita Reddy (<i>AWL</i>)	22. Saleena Yahaya (<i>WCC</i>)
11. Lee Lee Luther (<i>Bahai Women's Committee</i>)	23. Mary Chin
12. Fauziah Hj. Ramly (Persatuan Siswazah Wanita Malaysia)	24. Josie Zaini

Nota: Senarai nama di atas tidak termasuk nama-nama ahli *NACIWID* – iaitu Majlis bercorak Kerajaan.

Sumber: NCWO (1989a) *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1987-1989*, Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO).

Setelah mengadakan beberapa sesi perbincangan dan penyelidikan, pada awal tahun 1989 jawatankuasa berkenaan telah menyiapkan sebuah memorandum yang diberi nama **Memorandum Dasar Wanita Negara**. Dalam proses pembentukan memorandum berkenaan, beberapa dokumen di peringkat antarabangsa dirujuk. Dokumen-dokumen itu termasuklah:

- (i) ***Forward Looking Strategies*** – ditanda tangani bagi pihak Malaysia oleh Rafidah Aziz, Ketua Delegasi Malaysia di Persidangan *End of the Women's Decade* anjuran PBB dalam bulan Julai 1985 di Nairobi, Kenya.
- (ii) ***Commonwealth Secretariat Policy Statement on Women and Development*** – dipersetujui semasa Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel di Nassau, Bahamas, 1985.

Selain dokumen-dokumen di atas, sumber-sumber lain di peringkat antarabangsa yang menjadi sebahagian daripada pertimbangan dalam penggubalan memorandum itu ialah sokongan dan gesaan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel terhadap cadangan Menteri-menteri Komanwel yang Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Wanita di Harare dalam bulan Ogos 1987.

Antara lain, kandungan memorandum *NCWO* yang setebal 44 halaman (versi Melayu) itu adalah: mukadimah; prinsip; tujuan dasar wanita; strategi umum dan strategi dalam konteks jangka masa.¹³ **Memorandum Dasar Wanita Negara NCWO** berkenaan telah dikemukakan kepada Kerajaan melalui *NACIWID*. *NACIWID*, melalui HAWA pula menganjurkan lima siri bengkel di beberapa tempat di Malaysia mengenai penggubalan DWN untuk pihak Kerajaan, bagi menyediakan kertas kerja rasmi DWN Kerajaan. Sebagai contoh, satu Bengkel Dasar Wanita Negara telah diadakan di Kuala Lumpur pada 25-26 November 1988, yang dirasmikan oleh Datuk Hj. Harun Din, Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri.

Bengkel ini telah disertai oleh 55 orang pegawai wanita dari jabatan-jabatan kerajaan yang pada umumnya telah terlibat merumuskan perkara-perkara tentang memperkuuh mekanisme atau jentera kerajaan bagi memajukan wanita melalui DWN

dan mekanisme-mekanisme yang perlu dalam pelaksanaannya.¹⁴ Memorandum *NCWO* dan kertas kerja yang dihasilkan melalui bengkel-bengkel berkenaan menjadi rujukan utama dalam menghasilkan draf dasar *NACIWID* tersebut. Jika diteliti, sebahagian besar kandungan kertas kerja *NACIWID* itu ditulis berdasarkan input-input daripada *NCWO*. Malah, memorandum *NCWO* itu sendiri dimuatkan sebagai lampiran kertas kerja *NACIWID* berkenaan.

Dalam tahun 1989, kertas kerja DWN yang mengandungi memorandum *NCWO* itu telah dikemukakan secara rasmi oleh Fatimah Hamid Don (bagi pihak *NACIWID*) dan Fatimah Hashim (Presiden *NCWO*) kepada Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal wanita. Bagi memastikan kertas kerja tersebut dibincangkan dalam Kabinet, *NCWO* dalam masa yang sama mengadakan pertemuan dengan Rafidah Aziz (menteri penuh dalam Kabinet) untuk mendapat sokongan beliau. Beliau juga merupakan Menteri yang mengepalai delegasi Malaysia ke Persidangan Wanita Sedunia di Copenhagen, 1980 dan di Nairobi, 1985. Dalam bulan Ogos 1989, kertas kerja DWN telah dikemukakan kepada Kabinet oleh Yusof Noor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dengan dibantu oleh Rafidah Aziz (satu-satunya Menteri wanita dalam Kabinet ketika itu). Dalam bulan Disember tahun yang sama, Kabinet menerima serta meluluskan **kertas draf Dasar Wanita Negara**.

5.4 Kandungan Utama Dasar Wanita Negara

Sesudah melalui pelbagai proses di peringkat penggubalan, akhirnya dalam bulan Disember 1989, Jabatan Perdana Menteri telah dengan rasminya melancarkan dan mengisytiharkan sebuah dasar bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara

yang disebut sebagai **Dasar Wanita Negara**. Secara spesifik, sebagaimana yang terdapat dalam dokumen Dasar Wanita Negara, dasar itu bertujuan untuk memberikan matlamat, panduan dan hala tuju dalam segala usaha perancangan dan pelaksanaan program-program yang melibatkan wanita dalam pembangunan negara.¹⁵ Dalam dokumen itu juga dinyatakan secara khusus dua matlamat utama Dasar itu, iaitu:

- (i) Menjamin perkongsian saksama dalam memperoleh kemudahan sumber, maklumat, peluang penyertaan dan manfaat pembangunan antara lelaki dengan wanita;
- (ii) Mengintegrasikan wanita dalam semua sektor pembangunan negara selaras dengan kemampuan dan kehendak wanita, bagi meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf serta menegakkan sebuah negara yang aman.

Penggubalan DWN antara lain telah memanfaatkan input-input daripada beberapa dokumen yang antara lain mengandungi cetusan-cetusan fikiran dan gagasan-gagasan yang telah disuarakan di pelbagai forum antarabangsa dan seminar-seminar yang diadakan di dalam negeri. Dokumen-dokumen berkenaan ialah:

- (i) **Resolusi Persidangan Akhir Dekad Wanita Sedunia PBB** yang berlangsung di Nairobi, Kenya, pada 13-26 Julai 1985;
- (ii) ***Commonwealth Secretariat Policy Statement on Women and Development*** yang ditandatangani oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas, 1985;

- (iii) **Commonwealth Plan of Action** yang disahkan oleh Kerajaan Malaysia di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dalam tahun 1987 di Vancouver, Kanada;
- (iv) Syor-syor yang dibuat oleh Persidangan Menteri-menteri yang Bertanggungjawab Bagi Hal Ehwal Wanita, di Harare, Zimbabwe, 1987;
- (v) Kertas kerja dasar *NACIWID* mengenai Dasar Wanita Negara, 1986; dan
- (vi) **Memorandum Dasar Wanita Negara NCWO, 1987.**

Selain menyerapkan semangat yang ada pada sumber-sumber (dokumen-dokumen) di atas, dua lagi pertimbangan lain dalam menggubal DWN itu ialah bagaimana dasar wanita yang bakal digubal itu kelak dapat mencerminkan keperluan dan perancangan pembangunan negara dan juga bagaimana melalui dasar itu nanti masyarakat, khususnya wanita dan agensi-agensi kerajaan dapat dipengaruhi untuk menyokong dasar tersebut.¹⁶

Secara keseluruhannya, perkara yang termuat dalam dokumen DWN itu seperti matlamat, prinsip dan garis panduan utama, strategi bagi melaksanakan dasar, strategi dan jangka masa tindakan, dan rancangan tindakan mengikut sektor disusun setelah mengambil kira pertimbangan-pertimbangan di atas. Sebagai contoh, dasar berkenaan menetapkan lapan prinsip dan garis panduan utama. Prinsip pertama, kedua dan ketiga lebih bersifat menyeluruh – untuk lelaki dan wanita. Secara ringkas, prinsip dan garis panduan itu ialah:

- (i) Dasar Wanita itu hendaklah diselaraskan dengan dasar pembangunan negara;
- (ii) Dasar itu mengutamakan penyertaan dan penglibatan aktif bersama kaum wanita dan lelaki dalam proses pembangunan;

- (iii) Dasar itu mengambil kira potensi tenaga manusia yang separuhnya terdiri daripada kaum wanita.

Prinsip-prinsip itu, khususnya prinsip (i) dan (ii) menunjukkan secara jelas bahawa DWN digubal dengan mengambilkira pertimbangan bahawa ia haruslah mencerminkan keperluan dan perancangan pembangunan negara. Prinsip-prinsip dan garis-garis panduan yang lain pula lebih merujuk secara khusus mengenai kepentingan wanita. Prinsip dan garis panduan ini secara langsung atau tidak langsung akan dapat membantu mempengaruhi masyarakat khususnya wanita dalam menyokong dasar berkenaan. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan itu ialah:

- (iv) Pengintegrasian wanita dalam pembangunan;
- (v) Pemeliharaan keperluan istimewa wanita dan sifat keibuan serta kewanitaan mereka;
- (vi) Peningkatan taraf pendidikan wanita;
- (vii) Penghapusan diskriminasi berdasarkan jantina dalam pelbagai peringkat;
- (viii) Penyediaan maklumat perancangan negara berdasarkan jantina.

Selanjutnya, bagi memastikan DWN mencapai matlamat melibatkan wanita dalam pembangunan negara, beberapa strategi telah digariskan. Empat strategi umum yang digariskan dalam dasar itu ialah:

- (i) Membangkitkan kesedaran, kepekaan dan kefahaman semua pihak mengenai isu dan kedudukan wanita;

- (ii) Menyalurkan isu-isu wanita menerusi agensi pusat kepada institusi-institusi dan birokrasi Kerajaan dalam bentuk peraturan pentadbiran, sikap dan komitmen pihak pelaksana dasar;
- (iii) Merancang pengagihan sumber-sumber kepada pelbagai sektor yang mengendalikan program berkaitan dengan isu-isu wanita; dan
- (iv) Mendapatkan kerjasama di antara sektor-sektor Kerajaan dan di antara sektor Kerajaan dengan bukan Kerajaan dalam proses pemusatan usaha-usaha bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan.

Daripada strategi-strategi di atas, kerjasama pelbagai pihak termasuk *NGO-NGO* wanita diperlukan bagi melaksanakan dasar berkenaan. Tujuh strategi khusus Dasar itu pula dapat diringkaskan seperti berikut:

- (i) Memperkuuhkan Unit Hal Ehwal Wanita sebagai Jentera Pembangunan Wanita;
- (ii) Mengorientasikan dasar dan tindakan agensi Kerajaan supaya memasukkan proses perancangan, pelaksanaan dan pengawasan program-program pengintegrasian wanita;
- (iii) Pendidikan dan latihan untuk menyedarkan pihak pentadbiran Kerajaan mengenai isu-isu wanita;
- (iv) Penglibatan pertubuhan bukan Kerajaan (*NGO*);
- (v) Membasmi diskriminasi dan mengambil tindakan tegas;
- (vi) Memajukan dan menyelaraskan penyelidikan mengenai isu-isu gender; dan
- (vii) Peruntukan anggaran belanjawan.

Perkara-perkara yang terperinci seperti yang terdapat dalam strategi-strategi umum dan khusus bagi melibatkan wanita dalam pembangunan di atas sememangnya tidak ada dalam Rancangan-rancangan Malaysia sebelumnya. Walaupun sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini rujukan terhadap wanita ada disentuh (sebanyak satu perenggan) dalam RM3 dan RM5 masing-masing sebelumnya, ianya terlalu umum dan tiada pula panduan, perancangan dan program yang tertentu.

Selain menggariskan empat strategi umum dan tujuh strategi khusus di atas, dokumen DWN berkenaan juga memuatkan perkara-perkara mengenai strategi dan jangka masa tindakan dan rancangan tindakan mengikut sektor. Ini menunjukkan dari satu segi, betapa menyeluruhnya DWN sebagai satu dasar bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara. Dokumen DWN telah memberikan impak yang sedemikian rupa sehingga penggubalan rancangan-rancangan Malaysia yang berikutnya secara jelas memasukkan aspek-aspek kemajuan wanita, iaitu menjadi Bab XVI dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6), 1991-1995 dan Bab 20 dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7), 1996-2000.

Selanjutnya pula, selepas Persidangan Wanita Sedunia Ke-4 di Beijing, China, dalam tahun 1995, sebuah dokumen baharu iaitu **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** dibentuk dalam tahun 1996 bagi memperbaharui komitmen Kerajaan terhadap DWN (sebelum ini, dokumen-dokumen hasil persidangan-persidangan peringkat antarabangsa yang lain digunakan untuk penggubalan DWN dalam tahun 1989).

5.5 Pelan Tindakan Pembangunan Wanita

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ialah mekanisme tambahan di peringkat pelaksanaan DWN dan perincian lanjut mengenai rancangan-rancangan yang hendak diambil bagi memastikan Dasar berkenaan mencapai matlamatnya. Dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** telah diluluskan oleh Kabinet dalam tahun 1996. Secara umum, dokumen setebal 84 halaman (versi bahasa Melayu) itu boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan itu ialah latar belakang penggubalan Pelan Tindakan berkenaan, dokumen-dokumen rasmi dalam dan luar negeri yang dirujuk dalam penggubalan dokumen itu dan bidang-bidang khusus yang terdapat dalam Pelan Tindakan tersebut.

Sebagai mekanisme tambahan kepada DWN, Pelan Tindakan itu menggariskan beberapa tindakan dalam 13 bidang. Tiga bidang pertama Pelan berkenaan merujuk kepada perkara-perkara yang lebih umum sifatnya, manakala bidang yang ke-4 hingga ke-13 lebih bersifat khusus terhadap bidang-bidang tertentu kemajuan wanita. Tiga bidang pertama itu ialah:

- (i) Pengukuhan institusi untuk memajukan wanita;
- (ii) Meningkatkan kesedaran awam dan kepekaan di kalangan kaki tangan Kerajaan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan wanita;
- (iii) Menggerakkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program-program sosio-ekonomi.

Bidang yang keempat dan seterusnya hingga yang ke-13 pula ialah:

- (iv) Wanita dan keluarga;
- (v) Wanita dan kesihatan;

- (vi) Wanita dan pendidikan serta latihan;
- (vii) Wanita dan ekonomi;
- (viii) Wanita dan undang-undang;
- (ix) Wanita dan perkongsian kuasa;
- (x) Wanita dan media;
- (xi) Wanita dan agama;
- (xii) Wanita dan kebudayaan serta kesenian; dan
- (xiii) Wanita dan sukan.

Untuk memastikan pelaksanaan setiap bidang dalam Pelan Tindakan itu mencapai matlamatnya, perkara-perkara seperti bentuk-bentuk tindakan, agensi-agensi pelaksana yang terlibat dan tempoh sesuatu tindakan itu bermula dinyatakan secara jelas. Sebagai contoh, bagi memastikan Pelan Tindakan berkenaan mencapai matlamat pengukuhan institusi untuk memajukan wanita (bidang [i]), **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** itu telah menggariskan tiga perkara berkenaan secara teratur, yang memungkinkan bentuk-bentuk tindakan yang hendak diambil itu mudah difahami. Perkara-perkara mengenai bentuk-bentuk tindakan, agensi-agensi pelaksananya dan juga masa bermulanya tindakan-tindakan dalam bidang (i) tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.4.

Jadual 5.4

Pelan Tindakan bagi Pengukuhan Institusi untuk Kemajuan Wanita

Tindakan	Agenzi Pelaksana	Masa Pelaksanaan
1. Menaikkan taraf HAWA sebagai sebuah Jabatan yang berfungsi di peringkat ibu pejabat dan negeri.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) • HAWA • Jabatan Perkhidmatan Awam • Perbendaharaan • Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri 	Mulai tahun 1997.
2. Menentukan semula bidang tugas NACIWID dan kriteria pemilihan anggota NACIWID.	<ul style="list-style-type: none"> • KPNPM • HAWA 	Penentuan berkuat kuasa ke atas NACIWID Penggal Ketujuh.
3. Menubuhkan dan menggerakkan Jawatankuasa Penyelarasan Antara Agenzi mengenai Hal Ehwal Wanita (JKP)	<ul style="list-style-type: none"> • KPNPM • HAWA 	Julai 1996.
4. Memastikan data dan statistik negara diterbitkan mengikut pecahan jantina. Untuk tujuan ini, arahan atau pekeliling dikeluarkan supaya: <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan statistik mengumpul dan menerbitkan maklumat berdasarkan pecahan jantina. • Semua jabatan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta dan <i>NGO</i> mengumpul maklumat berdasarkan pecahan jantina. 	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri • Jabatan Statistik • Jabatan-jabatan Kerajaan • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan • Sektor swasta 	Mulai tahun 1997
5. Memperkuuhkan Jabatan Statistik bagi membolehkannya menyampaikan maklumat yang dikehendaki dengan cepat.	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Statistik • Jabatan Perkhidmatan Awam • Perbendaharaan • Badan-badan Antarabangsa seperti UNIFEM, CIDA, dll. 	Mulai tahun 1997
6. Melaksanakan Program Latihan Peningkatan Kepekaan Gender dan <i>Gender-Analysis, Gender Perspective Development Planning</i> dan sebagainya kepada anggota Jawatankuasa Penyelarasan, NACIWID, HAWA, Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita, semua pegawai Kerajaan di pelbagai peringkat dan juga sektor swasta serta <i>NGO</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • HAWA • Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) • Institusi Latihan Sektor Awam yang Lain • Institusi Latihan Sektor Swasta seperti WIM, MIM dan IKWAM • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Latihan bagi sektor awam telah dimulakan dan akan dipertingkatkan lagi. Latihan untuk sektor swasta dimulakan menjelang akhir tahun 1996/awal tahun 1997.

<p>7. Mengadakan skim latihan dan bantuan teknikal dan kewangan kepada <i>NGO</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan bantuan kewangan yang munasabah kepada <i>NGO</i> bagi membiayai projek-projek pembangunan • Memberikan bantuan teknikal yang diperolehi dari agensi-agensi antarabangsa dan lain-lain • Memberikan latihan mengenai pengurusan, perancangan dan sebagainya kepada pegawai-pegawai <i>NGO</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • KPNPM • HAWA • Unit Perancang Ekonomi • Institusi Latihan Sektor Awam dan Swasta • NCWO dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Mulai tahun 1997
---	--	------------------

Sumber: HAWA (t.t.) *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Jabatan Perdana Menteri.

Daripada Jadual 5.4, dapat dirumuskan bahawa format yang digunakan bagi menggariskan perkara-perkara berkenaan akan memudahkan agensi-agensi yang terbabit melaksanakan bentuk-bentuk tindakan mengikut masa-masa yang telah ditentukan. Format perincian lanjut yang hampir sama juga terdapat dalam bidang-bidang lain dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** berkenaan. Sebagai contoh, dalam bidang wanita dan ekonomi (bidang [vii]), Pelan Tindakan berkenaan memperincikan secara jelas bentuk-bentuk tindakan yang hendak diambil bagi melibatkan wanita sepenuhnya dalam pembangunan negara.

Perincian Pelan Tindakan bagi bidang wanita dan ekonomi berkenaan ditunjukkan dalam Jadual 5.5.

Jadual 5.5

Pelan Tindakan bagi Wanita dan Ekonomi

TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	MASA PELAKSANAAN
1. Menggesa supaya Jabatan-jabatan Kerajaan menubuhkan pusat-pusat jagaan anak-anak dan di mana peruntukan untuk penubuhan pusat-pusat jagaan di Pejabat-pejabat Kerajaan telahpun disediakan oleh Kerajaan.	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) • Perbendaharaan • Jabatan-jabatan Kerajaan 	Mulai akhir tahun 1996
2. Menggesa sektor-sektor swasta menubuhkan pusat-pusat jagaan anak di tempat kerja.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Sumber Manusia • Majikan sektor swasta • Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Mulai 1996
3. Memastikan dasar supaya kawasan perumahan membina pusat-pusat asuhan kanak-kanak dikuat kuasakan dengan sepenuhnya.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Kerajaan-kerajaan Negeri • Pemaju-pemaju perumahan swasta • Penguasa-penguasa tempatan 	Mulai 1996
4. Menjalankan latihan untuk pembantu-pembantu rumah asing dan tempatan.	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Pengasuh-pengasuh • Jabatan Kebajikan Masyarakat • Syarikat-syarikat swasta • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Mulai 1996
5. Memberi latihan dan peluang-peluang perniagaan yang seluas-luasnya kepada pengusaha-pengusaha wanita termasuk pengusaha wanita luar bandar.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pertanian • Kementerian Pembangunan Usahawan • Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan • Penguasa-penguasa Tempatan 	Dari semasa ke semasa
6. Melaksanakan waktu bekerja yang anjal di sektor awam dan swasta.	<ul style="list-style-type: none"> • JPA • Majikan sektor swasta • Kerajaan-kerajaan Negeri 	Mulai tahun 1997

7. Memperbanyakkan program latihan teknikal, vokasional, pengurusan dan lain-lain untuk wanita.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Sumber Manusia • Majikan sektor swasta • Institusi latihan sektor awam dan swasta • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Dalam tempoh RM7 dan seterusnya
8. Mewujudkan <i>One-stop Centre</i> mengenai perniagaan dan keusahawanan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama HAWA • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Dalam tempoh RM7
9. Meningkatkan perwakilan wanita dalam badan-badan penggubal dasar dan program pembangunan ekonomi.	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Perancang Ekonomi • Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan 	Mulai 1997
10. Mewujudkan sistem pembangunan sumber manusia yang lebih adil dan saksama supaya pekerja wanita sama-sama berpeluang untuk meningkat dalam kerjaya.	<ul style="list-style-type: none"> • JPA • Kementerian Kewangan • MAMPU • Majikan sektor swasta 	Mulai 1997
11. Mengadakan program latihan memasuki semula pasaran buruh bagi wanita-wanita yang ingin bekerja semula selepas ‘berehat’ kerana melaksanakan tanggung jawab produktif	<ul style="list-style-type: none"> • Institusi-institusi latihan awam dan swasta • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan 	Mulai 1997
12. Mengadakan kajian tentang penyertaan wanita dalam sektor tidak formal	<ul style="list-style-type: none"> • Institusi pengajian tinggi • <i>NCWO</i> dan <i>NGO-NGO</i> lain yang berkaitan • HAWA • Penguasa-penguasa Tempatan • Kerajaan-kerajaan Negeri 	Dalam tempoh RM7

Sumber: HAWA (t.t.) *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.5, disenaraikan bentuk-bentuk tindakan yang akan diambil berserta dengan agensi-agensi pelaksana dan masa yang khusus bagi melaksanakan tindakan-tindakan tersebut. Sebagai contoh, bagi menggesa sektor-sektor swasta menubuhkan pusat-pusat jagaan anak di tempat kerja (Tindakan 2), beberapa buah agensi pelaksana yang dikenalpasti terbabit disenaraikan

sama. Agensi-agensi itu ialah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, majikan sektor swasta serta NCWO dan *NGO-NGO* lain yang berkaitan. Dengan adanya perincian sedemikian, tindakan-tindakan yang hendak diambil akan lebih terarah, lebih-lebih lagi masa memulakan tindakan berkenaan juga dinyatakan sama dalam **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** berkenaan.

Bagi menggubal **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita**, beberapa sumber di peringkat antarabangsa telah dimanfaatkan. Sumber-sumber berkenaan sebahagian besarnya terhasil daripada persidangan-persidangan, forum-forum dan persetujuan-persetujuan di peringkat berkenaan. Sekurang-kurangnya terdapat lima perkembangan penting yang berlaku di peringkat antarabangsa itu di antara tahun 1989 (DWN digubal dan diluluskan) dan 1996 (**Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** digubal). Perkembangan-perkembangan itu ialah:

- **Persidangan Antarabangsa mengenai Kependudukan dan Pembangunan di Kaherah (1994)**

Daripada persidangan di Kaherah ini, Kerajaan Malaysia telah menerima *Plan of Action on Population and Development*. Antara lain, Pelan itu mengandungi satu bab mengenai *gender equality and equity* yang menggariskan tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam tiga bidang. Bidang-bidang itu ialah:

- *Harmonizing the productive and reproductive roles of women;*
- *Full involvement of women in policy and decision-making;*
- *Greater participation and responsibility of men together with women.*

- ***Beijing Declaration*** (1995)

Melalui Deklarasi yang dihasilkan di Persidangan Wanita Sedunia Keempat PBB itu, Kerajaan Malaysia telah menyatakan komitmen untuk melaksanakan strategi-strategi dan program-program untuk mengatasi halangan-halangan terhadap kemajuan wanita dan mencapai objektif dalam 12 bidang utama kemajuan wanita. Bidang-bidang itu ialah: kemiskinan; pendidikan dan latihan; kesihatan; keganasan terhadap wanita; konflik bersenjata; ekonomi; kuasa dan pembuatan keputusan; mekanisme kemajuan wanita; hak asasi; media; alam sekitar; dan kanak-kanak, khususnya kanak-kanak perempuan.

- Penerimaan ***Beijing Platform for Action*** (1995)

Daripada dokumen itu, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menerima lima aspek kemajuan wanita. Aspek-aspek itu ialah; perkongsian kuasa; pengukuhan mekanisme kemajuan wanita; penyertaan wanita dalam bidang ekonomi; peningkatan status wanita dari segi perundang-undangan; dan penghapusan keganasan terhadap wanita.

- Penerimaan Malaysia terhadap ***Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*** (dengan reservasi-reservasi tertentu) (1995)

Daripada Konvensyen yang dihasilkan di Perhimpunan Agung PBB itu, Kerajaan Malaysia telah bersetuju menerima (dengan beberapa reservasi) Konvensyen berkenaan. Semasa penggubalan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** berkenaan, reservasi-reservasi tersebut sedang dikaji semula untuk kemungkinan ditarik balik.

- **Deklarasi Geneva Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar**

Daripada Deklarasi itu, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk memperbaharui komitmennya terhadap kemajuan ekonomi wanita luar Bandar.

Dokumen-dokumen yang dihasilkan daripada persidangan-persidangan dan forum-forum di atas telah dijadikan sumber rujukan utama bagi menggubal **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** 1996. Sebagai contoh, lima aspek utama yang dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia daripada dokumen *Beijing Platform for Action* itu telah dimasukkan ke dalam dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita**. Walaupun **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** dilancarkan pada 25 Ogos 1996 (selepas kira-kira enam tahun pelancaran DWN dalam tahun 1989), ini bukanlah bermakna sebelum tergubalnya Pelan berkenaan tiada sebarang bentuk tindakan, agensi pelaksana mahupun masa bermula sesuatu tindakan bagi memajukan wanita. Sebelum itu, Bab XVI RM6 telah dijadikan panduan umum bagi memajukan wanita mengikut bidang-bidang yang telah digariskan dalam DWN.

Dengan adanya **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** itu, beberapa bentuk tindakan bagi memajukan wanita telah dapat dilakukan dengan segera. Sebagai contoh, dalam bidang wanita dan ekonomi (bidang [vii]), tindakan menggesa sektor-sektor swasta menubuhkan pusat-pusat jagaan anak di tempat kerja (Tindakan 2 – yang ada dibincangkan sebelum ini) telah dirancang bermula sejurus selepas penggubalan pelan berkenaan, iaitu mulai Ogos 1996 lagi.

5.6 Peranan dan Kegiatan NCWO di Peringkat Pelaksanaan Dasar dan Pemantauannya

Dengan tergubalnya DWN, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan matlamat melibatkan wanita dalam pembangunan negara tercapai mengikut prinsip-prinsip, strategi-strategi dan rancangan-rancangan tindakan mengikut sektor, sebagaimana yang terkandung di dalam dokumen DWN. Di pihak NCWO pula, selain telah terlibat secara aktif dalam proses penggubalan Dasar sebelum ini, langkah-langkah pelaksanaan yang aktif bagi memastikan matlamat Dasar tersebut dicapai juga dilakukan. Antara langkah-langkah NCWO yang terpenting di peringkat pelaksanaan itu ialah menuju Jawatankuasa Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara NCWO (1990), Jawatankuasa Penyelaras bagi Dasar Wanita Negara NCWO (1993) dan Jawatankuasa Pemantauan Dasar Wanita Negara NCWO (*Women Watch*, 1998).

Sejurus selepas kelulusan kertas draf DWN oleh Kabinet dalam bulan Disember 1989, pada awal tahun-tahun 1990-an, pemimpin-pemimpin tertinggi NCWO telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat bagi membincangkan strategi-strategi yang perlu diambil untuk melaksanakan DWN yang baru dilancarkan itu. Daripada mesyuarat-mesyuarat itu, Jawatankuasa Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara NCWO telah ditubuhkan, yang antara lainnya dipertanggungjawabkan untuk merangka dokumen **Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara NCWO**.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh F.R. Bhupalan, dengan dibantu oleh Ramani Gurusamy (Setiausaha). Selain itu, Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin pula telah dilantik mengepalai proses pembukuan dokumen **Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara NCWO** yang dihasilkan oleh Jawatankuasa itu.

Bagi mengadakan pengkhususan dan pembahagian kerja mengikut sektor-sektor yang terkandung di dalam DWN, 10 suruhanjaya telah dibentuk di bawah Jawatankuasa berkenaan. Suruhanjaya-suruhanjaya itu dipengerusikan oleh mereka yang difikirkan mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam sektor-sektor terbabit, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.6.

Jadual 5.6

Suruhanjaya-suruhanjaya Mengikut Sektor di Bawah Jawatankuasa Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara NCWO

Pengerusi	Suruhanjaya
1. Dr. Nik Safiah Karim	Agama
2. Dr. Kalijah Salleh	Politik dan Kepimpinan
3. Chew Swee Yoke	Keganasan Terhadap Wanita
4. Rita Reddy	Undang-undang
5. Fauziah Ramly	Kesihatan
6. Azizah Mokhzani	Media
7. Dr. Napsiah Mahfuz	Pendidikan dan Latihan
8. Dr. Jamilah Ariffin	Ekonomi dan Peluang Pekerjaan
9. Kee Phaik Cheen	Perpaduan
10. Kiranjit Kaur	Alam Sekitar

Sumber: NCWO (1991b) *Dasar Wanita Negara: Rancangan Tindakan*, Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO).

Antara tahun 1990-1991, Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan telah mengadakan perbincangan dan penyelidikan mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing dengan merujuk sebahagian besar kandungan DWN, Dasar Pembangunan Nasional dan Bab XVI RM6 (Wanita dalam Pembangunan).¹⁷

Bagi memantapkan perbincangan dan hasil penyelidikan Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan, mereka juga diminta menjemput ahli-ahli gabungan *NCWO* yang lain, pihak universiti, kolej dan pertubuhan-pertubuhan lain yang berminat untuk berkhidmat dalam Suruhanjaya berkenaan. Antara aspek-aspek yang dikenalpasti perlu dilakukan pada peringkat itu ialah merancang program-program mengikut sektor di peringkat asas, mengadakan perubahan-perubahan yang perlu dari semasa ke semasa, memastikan program-program dijalankan secara berterusan dan seterusnya membuat penilaian terhadap keberkesanannya program.¹⁸

Dalam tempoh dua tahun berkenaan, dua buah bengkel utama Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara bagi menghasilkan Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara *NCWO* telah diadakan, iaitu dalam bulan Jun 1990 dan Ogos 1991. Daripada penyelidikan suruhanjaya-suruhanjaya terbabit dan perbincangan dalam bengkel-bengkel tersebut, langkah-langkah untuk memuatkan penemuan-penemuan bengkel berkenaan ke dalam sebuah dokumen giat dilakukan di bawah seliaan Dr. Sharifah Hapsah dengan dibantu pemimpin dan aktivis wanita yang lain seperti Dr. Fatimah Hamid Don, Grace Pold, Lai Suat Yan dan Faridah Khalid. Pada penghujung tahun 1991, sebuah dokumen rancangan tindakan DWN *NCWO* dihasilkan, bertajuk “**Dasar Wanita Negara: Rancangan Tindakan**”.

Antara lain, kandungan terpenting dokumen rancangan tindakan DWN *NCWO* berkenaan ialah empat Strategi Rancangan Tindakan yang perlu dilakukan bagi melaksanakan DWN. Secara ringkas, strategi-strategi berkenaan ialah:¹⁹

- (i) Mengukuhkan institusi dan hubungan antara Kerajaan dengan *NGO* dengan mengukuhkan kemudahan-kemudahan infrastruktur, sumber tenaga manusia dan kaedah yang efektif untuk menggembangkan sumber-sumber berkenaan;

- (ii) Meningkatkan kesedaran, kepekaan dan penyebaran maklumat kepada semua pihak melalui seminar, bengkel, pameran, lawatan sambil belajar, risalah, jaringan kerja, dialog, kajian dan pengumpulan data;
- (iii) Mengambil langkah-langkah advokasi seperti melobi, memberi sokongan kepada pertubuhan lain, mengkaji undang-undang serta membuat syor, mengadakan jaringan kerja, menjalankan kempen dan jika perlu, mengadakan pemulauan.
- (iv) Mengambil tindakan-tindakan afirmatif seperti memberi latihan khas untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, memberi anugerah dan insentif kepada mereka yang memperjuang isu-isu wanita dan menubuhkan *think-tanks* serta panel-panel pakar untuk memberikan cadangan-cadangan yang konkret bagi memajukan wanita.

Bagi melaksanakan strategi-strategi di atas dan rancangan-rancangan lain yang terkandung dalam dokumen rancangan tindakan DWN NCWO itu, sebuah jawatankuasa baharu yang lain, iaitu ‘Jawatankuasa Penyelaras bagi Dasar Wanita Negara NCWO’ dibentuk untuk menyelaraskan tugas-tugas pelaksanaan di peringkat selanjutnya mengikut sektor-sektor tertentu. Jawatankuasa itu juga dipengerusikan oleh F.R. Bhupalan bersama-sama dengan beberapa ahli jawatankuasa sebelumnya dan sebilangan ahli yang baharu, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.7.

Jadual 5.7

Senarai Ahli Jawatankuasa Penyelaras Bagi Dasar Wanita Negara NCWO Mengikut Sektor

Nama Ahli	Sektor
1. Dr. Nik Safiah Karim	Agama
2. Fauziah Ramly	Politik dan Kepimpinan
3. Chew Swee Yoke	Keganasan Terhadap Wanita
4. Rasamani Kandiah	Undang-undang
5. Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin	Kesihatan
6. Azizah Mokhzani	Media Massa
7. Dr. Fatimah Hamid Don	Pendidikan dan Latihan
8. Dr. Norma Mansor	Ekonomi dan Pekerjaan
9. Kee Phaik Cheen	Perpaduan
10. Kiranjit Kaur	Alam Sekitar
11. Dr. Khalijah Salleh	Sains dan Teknologi

Sumber: NCWO (1993) *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1991-1993*, Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO), hlm. 12.

Dalam perkembangan yang sama, di pihak Kerajaan, HAWA telah mengambil langkah-langkah bagi mengadakan sebuah Pelan Tindakan Kebangsaan Dasar Wanita Negara. Untuk maksud tersebut, dua orang jururunding telah dilantik, iaitu Shanti Dairiam (Pengarah *International Women's Rights Action Watch (IWRW) – Asia Pacific, NGO* kelolaan PBB) dan Mehrun Siraj (peguam bela dan peguam cara).²⁰

Sebahagian besar sektor yang dikenalpasti dalam rancangan tindakan DWN NCWO juga menjadi sektor-sektor yang ada dititikberatkan dalam pelan tindakan kebangsaan itu. Malah, dokumen rancangan tindakan DWN NCWO itu telah dijadikan rujukan utama kedua-dua jururunding di atas bagi menghasilkan sebuah Pelan Tindakan Kebangsaan yang pada ketika itu dikenali sebagai **Pelan Tindakan Bagi**

Melaksanakan Dasar Wanita Negara.²¹ Sektor-sektor yang dikenal pasti dalam pelan tindakan kebangsaan itu ialah wanita, ekonomi dan pekerjaan, sektor informal, pendidikan dan latihan, kesihatan, keganasan terhadap wanita, media, undang-undang, keagamaan serta kebudayaan dan perpaduan.²²

Selain itu juga, rancangan tindakan DWN *NCWO* berkenaan dijadikan rujukan bagi Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan yang dipertanggungjawabkan menyediakan laporan bagi Kerajaan Malaysia ke Persidangan Wanita Sedunia dan Forum *NGO* di Beijing, China dalam tahun 1995.²³ Daripada perbincangan di atas, dapat dikatakan dokumen **Dasar Wanita Negara: Rancangan Tindakan** yang dihasilkan oleh *NCWO* menjadi satu dokumen yang sangat penting di peringkat pelaksanaan, sama ada menjadi dokumen pelaksanaan *NCWO* sendiri, rujukan penggubalan dokumen **Pelan Tindakan Bagi Melaksanakan Dasar Wanita Negara**, mahupun rujukan bagi penyediaan laporan Kerajaan Malaysia di persidangan peringkat antarabangsa.

Walaupun **Pelan Tindakan Bagi Melaksanakan Dasar Wanita Negara** telah diwujudkan, *NCWO* mencadangkan kepada Kerajaan agar langkah-langkah pelaksanaan yang lebih konkret dilakukan segera, lebih-lebih lagi pada ketika itu RM6 sudah sampai ke penghujungnya (sesudah kira-kira lima tahun tempoh pelaksanaan DWN). Demikian itu, menjelang penggubalan RM7, *NCWO* dalam beberapa pertemuannya dengan pihak Kerajaan telah menggesa agar komitmen melaksanakan langkah-langkah konkret dimaktubkan ke dalam RM7 itu. Antara langkah-langkah konkret yang dimaksudkan itu ialah memaktubkan Pelan Tindakan Kebangsaan DWN itu sendiri ke dalam RM7, pengukuhan peranan HAWA (daripada Bahagian kepada

Jabatan) dan menentukan secara khusus bidang kuasa HA WA terhadap agensi-agensi lain.²⁴

Sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian terdahulu, penggubalan DWN dari satu segi adalah disebabkan adanya pengaruh di peringkat antarabangsa, khususnya persidangan-persidangan anjuran PBB. Sesudah kira-kira lima tahun DWN secara rasmi digubal dan dilaksanakan, Persidangan Wanita Sedunia anjuran PBB yang Keempat diadakan dalam tahun 1995 di Beijing, China. Lanjutan daripada persidangan itu, Kerajaan mengambil langkah bagi memperbaharui komitmennya untuk melibatkan wanita dalam pembangunan negara sebagaimana yang terdapat di dalam DWN, dengan menggubal dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** (HAWA) 1997.

Di pihak *NCWO*, susulan daripada persidangan di Beijing itu, satu persidangan pasca-Beijing telah dianjurkan. Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur berkenaan telah dirasmikan oleh Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri (yang juga Ketua Delegasi Malaysia ke Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing berkenaan) dan turut dihadiri oleh Zaleha Ismail, Presiden *NCWO*, (yang juga Menteri yang bertanggung jawab bagi hal ehwal wanita pada masa itu). Daripada persidangan berkenaan, 13 resolusi dihasilkan, yang rata-ratanya mengenai langkah-langkah segera yang perlu diambil oleh Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan DWN.

Sebagai contoh, dalam Resolusi 1, *NCWO* menyeru Kerajaan agar segera:

- (i) Menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja bagi semua sektor (Kerajaan dan *NGO*) untuk melaksanakan semua cadangan dan tindakan yang terkandung dalam *Beijing Platform for Action* dan **Pelan Tindakan Bagi Melaksanakan**

Dasar Wanita Negara serta cadangan-cadangan lain yang dibangkitkan dalam persidangan tersebut.

- (ii) Menubuhkan jawatankuasa antara Kementerian dengan wakil-wakil *NGO* (sebagaimana dinyatakan dalam *Beijing Platform For Action*) bagi tujuan menyelaraskan dan memantapkan pelaksanaan *Beijing Platform For Action* dan **Pelan Tindakan Kebangsaan Dasar Wanita Negara**.²⁵

Antara resolusi-resolusi lain mengenai aspek-aspek kemajuan wanita yang dihasilkan dalam persidangan itu ialah: media; kesihatan; pendidikan dan latihan; agama; penyertaan wanita dalam pembuatan keputusan; dan ekonomi. Kerajaan (melalui HAWA) telah mengambil perhatian terhadap perkembangan-perkembangan di atas dengan mengambil langkah-langkah ke arah penggubalan sebuah pelan tindakan bagi pembangunan wanita. Perhatian Kerajaan itu diterjemahkan melalui penghasilan sebuah dokumen yang diberi nama **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** yang dilancarkan pada 24 Ogos 1996. Jika ditinjau dari segi kandungan Pelan itu, sebahagian besar daripada tindakan yang digariskan di dalamnya juga ialah daripada 13 resolusi yang dihasilkan dalam seminar *NCWO* di atas. Rancangan-rancangan tindakan yang digariskan dalam dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** tersebut ialah:²⁶

- (i) Pengukuhan institusi untuk memajukan wanita;
- (ii) Meningkatkan kesedaran awam dan kepekaan birokrasi Kerajaan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan wanita;
- (iii) Menggerakkan *NGO* untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program-program sosio-ekonomi;

- (iv) Wanita dan keluarga;
- (v) Wanita dan kesihatan;
- (vi) Wanita dan pendidikan serta latihan;
- (vii) Wanita dan ekonomi;
- (viii) Wanita dan undang-undang;
- (ix) Wanita dan perkongsian kuasa dalam menggubal dasar dan membuat keputusan;
- (x) Wanita dan media;
- (xi) Wanita dan agama;
- (xii) Wanita dan kebudayaan serta kesenian; dan
- (xiii) Wanita dan sukan.

Setakat ini (perbincangan peranan *NCWO* di peringkat pelaksanaan DWN), *NCWO* telah menyumbang kepada dua dokumen utama, iaitu **Dasar Wanita Negara: Rancangan Tindakan** (1991) dan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** (1996) bagi memastikan pelaksanaan DWN. Selanjutnya, untuk memantau program-program bagi memajukan wanita terlaksana mengikut pelan-pelan tindakan berkenaan, sebuah jawatankuasa yang antara lain berfungsi sebagai *watch dog* ditubuhkan dalam tahun 1998, iaitu *Women Watch*²⁷. Antara objektif utamanya ialah untuk memantau pelaksanaan program-program Kerajaan agar selari dengan garis-garis panduan yang terdapat dalam pelbagai dokumen rasmi seperti **Dasar Wanita Negara** dan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita**.

Selain dokumen-dokumen yang dihasilkan di dalam negeri, *Women Watch* juga berperanan memantau pelaksanaan program-program Kerajaan agar selari dengan garis panduan yang terkandung dalam dokumen-dokumen yang dihasilkan di

peringkat antarabangsa, terutamanya *CEDAW* dan *Beijing Platform for Action*. *Women Watch* dipengerusikan oleh F.R. Bhupalan dengan dibantu oleh Ramani Gurusamy (Setiausaha) dan seorang penasihat, Shanti Dairiam. Ahli-ahli Jawatankuasa *Women Watch* yang lain terdiri daripada 15 individu yang mempengerusikan Suruhanjaya-suruhanjaya mengikut bidang, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.8.

Jadual 5.8

Suruhanjaya-suruhanjaya Mengikut Sektor di Bawah *Women Watch* NCWO

Pengerusi	Suruhanjaya
Dr. Hamidah Karim	Kesihatan
Dr. Ng Yen Yen	Politik dan Kepimpinan
Dr. Kiranjit Kaur	Media
Rasamani Kandiah	Undang-undang
Dr. Nik Safiah Karim	Agama
Dr. Fatimah Hamid Don	Pendidikan dan Latihan
Dr. Che Husna Azhari	Alam Sekitar
Dr. Farida Habib Shah	Sains dan Teknologi
Dr. Norma Mansor	Ekonomi dan Pekerjaan
Ivy Josiah	Keganasan Terhadap Wanita
June Yeoh	Kemiskinan
Dr. Thilla Chelliah	Perpaduan

Sumber: NCWO (2000) *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1998-2000*, Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO).

Bagi memastikan proses pemantauan dapat dijalankan dengan berkesan, *Women Watch* mengambil langkah-langkah menentukan bentuk-bentuk data yang diperlukan untuk tujuan penyelidikan dan seterusnya menyebarkan hasil penyelidikan kepada pelbagai pihak, sama ada untuk kepentingan dalam negeri, maupun luar

negeri. Sepanjang dua tahun selepas penubuhan *Women Watch*, dalam tahun 1999 dan 2000, beberapa aktiviti telah dijalankan. Aktiviti-aktiviti berkenaan termasuklah menyediakan *hotline* bagi amalan diskriminasi dalam media/akbar, menjalankan kajian, mengadakan jaringan kerja, *capacity building*, kutipan dana dan penyelenggaraan pengkalan data.

Selain telah menubuh dan mengambil pelbagai tindakan melalui Jawatankuasa Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara *NCWO*, Jawatankuasa Penyelaras bagi Dasar Wanita Negara *NCWO* dan Jawatankuasa Pemantauan Dasar Wanita Negara *NCWO* (*Women Watch*), bagi mencapai matlamat dasar berkenaan, di peringkat pelaksanaan ini juga *NCWO* turut memanfaatkan saluran-saluran yang lain. Ini termasuklah memasukkan rancangan bagi memajukan wanita ke dalam belanjawan negara melalui sesi dialog prabelanjawan dengan Kerajaan yang dilakukan secara konsisten setiap tahun.

Sepanjang tahun 1990-2000, sebanyak 11 memorandum *NCWO* telah dikemukakan kepada Kerajaan dalam sesi-sesi dialog prabelanjawan negara. Sebagai contoh, dalam dialog prabelanjawan 1991, strategi-strategi dan sektor-sektor yang telah dikenalpasti dalam DWN seperti pengukuhan jentera nasional bagi pengintegrasian wanita dalam pembangunan, penglibatan *NGO*, penyelarasan penyelidikan isu-isu wanita, kesihatan, pendidikan dan latihan, ekonomi dan pekerjaan dan perundang-undangan telah diberikan perhatian oleh *NCWO* menerusi memorandumnya kepada Kerajaan dalam tahun itu.

Selanjutnya, selain saluran sesi dialog prabelanjawan itu, menjelang tahun 2000, apabila Kerajaan mengambil langkah untuk menggubal Rancangan Jangka Panjang Ke-3 dan Rancangan Lima Tahun Malaysia yang Ke-8, *NCWO* sekali lagi

mengambil langkah-langkah bagi memastikan aspek-aspek kemajuan wanita dimasukkan ke dalam rancangan-rancangan Kerajaan tersebut. Untuk maksud itu, sebuah seminar telah diadakan dalam bulan Oktober 1999, melibatkan tujuh orang pembentang kertas kerja yang mewakili pelbagai bidang. Dalam seminar itu, sebanyak tujuh buah bengkel telah diadakan bagi membincangkan setiap satu kertas kerja berkenaan.

Saranan-saranan yang dikemukakan dalam bengkel berkenaan dibukukan dalam bentuk memorandum. Memorandum setebal 19 halaman bertarikh 14 Januari 2000 itu disusun oleh Dr. Fatimah Hamid Don (salah seorang Naib Presiden *NCWO* ketika itu) dan diserahkan kepada Pengurus MAPEN II untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya. Antara aspek-aspek utama kemajuan wanita yang diketengahkan melalui saluran memorandum itu ialah pembangunan sumber manusia, ekonomi dan daya saing negara, sains dan teknologi dan beberapa lagi aspek yang lain.²⁸

Daripada perbincangan peranan *NCWO* di pelbagai peringkat pelaksanaan ini, dapat dikenalpasti bahawa Majlis itu telah terlibat secara aktif dan menyumbang secara konsisten, bermula sejurus selepas DWN dilancarkan dan berterusan sehingga ke tahun 2000 itu. Demikianlah peranan utama *NCWO* selama 10 tahun dalam melaksanakan hasrat wanita, sebagaimana yang digariskan dalam DWN.

5.7 Pencapaian Dasar Wanita Negara

Menjelang tahun 2000, iaitu setelah 10 tahun DWN dilaksanakan, boleh dikatakan telah banyak kemajuan yang dicapai hasil daripada penggubalan dan pelaksanaan DWN berkenaan. Antara beberapa kemajuan yang signifikan ialah dimaktubkan

aspek-aspek kemajuan wanita ke dalam rancangan-rancangan pembangunan negara, peningkatan penyertaan wanita dalam sektor guna tenaga dan peningkatan status wanita dari segi perundang-undangan.

Sejajar dengan tuntutan *NCWO* yang mahukan rancangan dan program-program kemajuan wanita dimasukkan ke dalam dokumen-dokumen rasmi rancangan dan program Kerajaan, Kerajaan telah mengambil langkah memasukkan beberapa perkara mengenai kepentingan wanita ke dalam rancangan-rancangan lima tahun negara. Perkara-perkara mengenai kepentingan wanita itu telah dimasukkan ke dalam Bab XVI RM6, Bab 20 RM7 dan juga Bab 20 Rancangan Malaysia Kelapan (RM8), 2001-2005.

Satu kejayaan *NCWO* ialah bila mana satu rujukan khusus mengenai DWN telah dibuat dalam RM6, RM7 dan RM8 tiap-tiap satu rancangan lima tahun Kerajaan itu. Sebagai contoh, perkara-perkara mengenai kepentingan wanita telah dimuatkan ke dalam Bab XVI RM6. Secara umumnya, Bab XVI yang bertajuk ‘Wanita dalam Pembangunan’ itu menyentuh perkara-perkara mengenai langkah-langkah awal ke arah pelaksanaan DWN. Dalam bahagian ‘Pendahuluan’ bab itu misalnya, ada dinyatakan:

...Menyedari pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat dan ekonomi, Kerajaan juga mengakui bahawa strategi-strategi yang khusus perlu dibentuk bagi melibatkan wanita secara berkesan dalam proses pembangunan. Ke arah mencapai tujuan ini, usaha yang gigih akan diambil untuk mengurangkan batasan-batasan yang sedia ada secara berperingkat-peringkat dan membantu wanita melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang utama. Langkah-langkah ini adalah selaras dengan objektif DWN untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam usaha-usaha pembangunan negara...²⁹

Dari satu segi, adanya pernyataan seumpama di atas menunjukkan hasrat *NCWO* bagi memajukan wanita telah diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Langkah dan perhatian yang hampir sama juga diambil oleh Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian ‘Pendahuluan’ bab mengenai wanita (Bab 20) dalam RM7 dan RM8. Dalam RM7 misalnya, selain menyatakan persetujuan untuk meneruskan usaha yang sedia ada, Kerajaan menegaskan akan melaksanakan program yang terkandung dalam **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** berdasarkan persetujuan yang dicapai di Persidangan Wanita Sedunia Keempat yang berlangsung di Beijing dalam tahun 1995 dan beberapa persetujuan lain.

Seterusnya, dalam RM8 pula, langkah-langkah dan perhatian yang hampir sama juga diambil oleh Kerajaan sejajar dengan hasrat *NCWO* sebagaimana yang diambil dalam RM6 dan RM7 sebelum ini. Dalam Bab 20 RM8 yang juga bertajuk ‘Wanita dalam Pembangunan’ itu, Kerajaan telah menyediakan garis panduan ke arah mempersiapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi cabaran globalisasi. Selain itu, langkah-langkah juga diambil ke arah membantu wanita memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Kesemua perkara-perkara mengenai kepentingan wanita yang terkandung dalam Bab XVI RM6, Bab 20 RM7 dan RM8 itu secara khususnya telah terdapat dalam dokumen DWN. Secara grafiknya, aspek-aspek kemajuan wanita yang terkandung dalam DWN sebagaimana juga yang terdapat dalam RM6, RM7 dan RM8, ditunjukkan dalam Jadual 5.9.

Jadual 5.9

Aspek-aspek Kemajuan Wanita dalam Dasar Wanita Negara yang Terdapat dalam Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh dan Kelapan

Aspek-aspek Kemajuan Wanita dalam RM6, RM7 dan RM8	Dasar Wanita Negara	
	Berkara	Butiran
1. Pembangunan Keluarga	6.3.5 (d)	Memasukkan pendidikan kekeluargaan dalam semua kursus pendidikan dan latihan kerjaya untuk lelaki dan wanita.
2. Penyertaan Wanita dalam Pasaran Buruh	6.5.4 (a)	Perlu dipertingkatkan penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan, sosial, ekonomi dan politik.
	6.5.4 (c)	Perlu diperbanyakkan peluang pekerjaan, khususnya bagi wanita yang miskin dan tidak mempunyai punca pencarian nafkah hidup.
3. Wanita dalam Perniagaan	6.5.4 (c)	(sama seperti di atas)
4. Penglibatan NGO	V (d)	Penglibatan Badan-badan Bukan Kerajaan
	6.3.5 (ii)	Melibatkan agensi-agensi bukan Kerajaan bagi memajukan peluang-peluang pendidikan
5. Dasar Wanita Negara – Pelan Tindakan	-	-
6. Pendidikan dan Latihan	6.3	Pendidikan dan Latihan
7. Kesihatan	6.2	Kesihatan
8. Undang-undang dan Peraturan	6.4	Undang-undang
9. Jentera Negara untuk Kemajuan Wanita	V(a)	Memperkuuhkan Unit Hal Ehwal Wanita Sebagai Jentera Pembangunan Wanita
	6.1	Jentera Nasional Bagi Mengintegrasikan Wanita dalam Pembangunan
10. Kemiskinan di Kalangan Ketua Isi Rumah Wanita	2.1 (b)	Bagi mengintegrasikan wanita dalam semua sektor pembangunan negara, selaras dengan kemampuan dan kehendak wanita bagi mempertingkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf, dan menegakkan negara aman, makmur dan sentosa.
11. Penyelidikan mengenai Wanita	6.5.4 (c)	Perlu diperbanyakkan peluang pekerjaan, khususnya bagi wanita yang miskin dan tidak mempunyai punca pencarian nafkah hidup.
12. Iltizam di Peringkat Antarabangsa	-	-

Sumber: Dirangka dan disusun oleh penyelidik berdasarkan sumber-sumber berikut: *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995; Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000; Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005; dan Dasar Wanita Negara 1989.*

Selain termaktubnya aspek-aspek DWN dalam rancangan-rancangan lima tahun negara, pencapaian DWN juga dapat dikenalpasti melalui peningkatan penyertaan wanita dalam sektor guna tenaga. Selaras dengan tuntutan *NCWO* yang menginginkan peningkatan keterlibatan wanita dalam sektor guna tenaga, Kerajaan telah memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah bagi maksud peningkatan keterlibatan wanita dalam sektor guna tenaga berkenaan. Perhatian Kerajaan dalam perkara ini sememangnya jelas, sebagaimana yang termaktub dalam matlamat pertama DWN itu, iaitu:

...Bagi menjamin perkongsian saksama dalam memperoleh kemudahan sumber, maklumat, peluang penyertaan dan manfaat pembangunan kepada lelaki dan wanita. Matlamat persamaan dan kesaksamaan hendaklah dijadikan teras dasar pembangunan yang berorientasikan rakyat, supaya wanita, yang berupa separuh jumlah penduduk negara, dapat menyumbangkan dan mencapai potensi mereka sepenuhnya...³⁰

Perhatian Kerajaan bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara juga terdapat dalam Bahagian 6, khususnya Perkara 6.5.4 (a) DWN yang menyebut:

...Perlu dipertingkatkan penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan, sosial, ekonomi dan politik...³¹

Setelah mengambil perhatian terhadap kemajuan wanita dengan mengambil beberapa langkah tertentu, dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan DWN peratus penglibatan wanita dalam sektor guna tenaga telah meningkat khususnya dalam bidang pekerjaan tertentu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.10.

Jadual 5.10

**Pengagihan Guna Tenaga Mengikut Pekerjaan dan Jantina
Bagi Tahun 1990 dan 2000**

Kategori Pekerjaan	1990		2000	
	L (%)	W (%)	L (%)	W (%)
Pekerja Profesional, Teknikal & Berkaitan	6.4	9.4	8.9	13.5
Pekerja Pentadbiran & Pengurusan	2.8	0.6	4.7	2.2
Pekerja Perkeranian & Berkaitan	7.0	14.1	7.1	17.5
Pekerja Jualan & Berkaitan	11.4	11.4	11.1	12.1
Pekerja Perkhidmatan	9.9	14.1	9.5	17.4
Pekerja Pertanian	29.4	28.1	20.4	14.8
Pekerja Pengeluaran & Berkaitan	33.1	22.3	38.4	22.6
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Kerajaan Malaysia (1991) *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*, Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri; dan Kerajaan Malaysia (2001) *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.10, dari tahun 1990 hingga 2000, terdapat peningkatan penyertaan wanita dalam semua kategori pekerjaan kecuali pertanian. Dalam kategori pekerjaan profesional, teknikal dan berkaitan misalnya, penyertaan wanita telah meningkat daripada 9.4% dalam tahun 1990 kepada 13.5% dalam tahun 2000. Dalam kategori pekerjaan perkeranian dan berkaitan pula, penyertaan wanita telah meningkat daripada 14.1% dalam tahun 1990 kepada 17.5% dalam tahun 2000.

Walaupun sekilas pandang peningkatan-peningkatan di atas mungkin kecil, misalnya hanya 4.1% (13.5% - 9.4%) bagi kategori pekerjaan profesional, teknikal dan berkaitan, tetapi jika dibandingkan dengan peningkatan yang pernah dicatat dalam tempoh 10 tahun sebelumnya, iaitu dari tahun 1980-1990, peningkatan ini secara perbandingannya adalah besar. Sebagai contoh, dalam kategori pekerjaan profesional, teknikal dan berkaitan, peningkatan yang dicatatkan antara tahun 1980-1990 itu cuma 0.9% sahaja (9.4% - 8.5%, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2

sebelum ini). Tetapi sebagaimana yang dinyatakan di atas, dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan DWN, iaitu dari tahun 1990-2000, peningkatan yang dicatat ialah sebanyak 4.1% seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.10 itu.

Selain pencapaian-pencapaian sebagaimana yang ditunjukkan melalui peningkatan-peningkatan di atas, pencapaian DWN juga dapat dikenalpasti dan dinilai melalui langkah-langkah lain Kerajaan bagi menyokong dan menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor guna tenaga berkenaan. Antara langkah-langkah yang terpenting ialah meminda Akta Pekerjaan 1955 dalam tahun 1998. Dengan pindaan itu, beberapa keistimewaan diperolehi oleh golongan pekerja, khususnya pekerja wanita. Misalnya, melalui pelaksanaan waktu kerja anjal dan pemanjangan tempoh cuti bersalin daripada 40 hari kepada 60 hari (sehingga kepada kelahiran anak kelima) bagi pekerja wanita di sektor awam. Selain itu juga, pelepasan cukai diberi kepada majikan yang membina pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja atau di kawasan berhampiran dengannya. Langkah-langkah seumpama itu sedikit sebanyak telah meringankan beban ibu-ibu yang bekerja.

Seterusnya, selain pencapaian-pencapaian dalam sektor guna tenaga di atas, dan termaktubnya aspek-aspek kemajuan wanita dalam rancangan-rancangan lima tahun Kerajaan yang dibincangkan sebelum ini, DWN juga dapat dikenalpasti dan dinilai dari sudut kemajuan perundang-undangan yang berkaitan dengan wanita. Sehubungan dengan tuntutan-tuntutan *NCWO* juga, Kerajaan telah mengambil usaha dan perhatian bagi meningkatkan status wanita dari segi perundang-undangan. Dalam dokumen DWN itu misalnya, usaha dan perhatian Kerajaan dalam aspek perundang-undangan itu antara lain tergambar dalam Perkara 6.4 yang terkandung dalam

strategi/rancangan tindakan mengikut sektor dokumen berkenaan. Antara kandungan Perkara 6.4 itu ialah:

- Semua warganegara berhak mendapat perlindungan undang-undang yang sewajarnya. Dengan penerimaan dasar persamaan taraf, maka perlu diperkuatkan undang-undang bagi menjamin hak wanita dari segi pemilikan harta, kerakyatan, peluang-peluang dan hak penjagaan anak (*guardianship*); dan (Perkara 6.4.1)
- Antara tindakan-tindakan yang perlu diambil termasuklah (Perkara 6.4.4.):
 - (a) Menyemak dan mengemaskini undang-undang yang kurang berkesan;
 - (b) Melibatkan wanita dalam penggubalan dan pelaksanaan undang-undang;
 - (c) Mengadakan biro pengaduan dan nasihat yang mudah didapati untuk wanita;
 - (d) Memberi pengetahuan mengenai hak individu di sisi undang-undang;
 - (e) Menggubal undang-undang bagi melindungi wanita daripada keganasan rumah tangga, pemberhentian dan eksplorasi dalam pekerjaan serta robol dan keganasan; dan
 - (f) Mewujudkan undang-undang keluarga yang saksama yang memelihara dan mempertahankan hak ibu kandung dan bagi menyelesaikan pertikaian keluarga dengan adil dan berperikemanusiaan.

Sesudah 10 tahun DWN dilancarkan, beberapa kemajuan perundang-undangan mengenai wanita telah dicapai. Antara yang terpenting ialah penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, pindaan Akta Pekerjaan 1955 dalam tahun 1998

(yang telah dibincangkan sebelum ini), dan penguatkuasaan **Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja**.

Kod Amalan berkenaan bertujuan menyediakan garis panduan tentang penubuhan, pembentukan dan pelaksanaan mekanisme dalaman bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. Dengan adanya Kod Amalan ini, gangguan atau ‘asakan’ seksual yang berlaku secara lisan, isyarat, visual, psikologi dan sentuhan fizikal dapat dijadikan kes yang membolehkan pihak yang didapati bersalah dikenakan tindakan tata tertib dan menghadapi kemungkinan dibuang kerja.³²

Selanjutnya menjelang tahun 2000, Kerajaan telah mengambil perhatian dan langkah bagi meminda beberapa undang-undang yang lain sejajar dengan tuntutan *NCWO* yang tidak putus-putus itu. Undang-undang itu termasuklah Ordinan Imigresen 1959, Akta Penjagaan Anak 1961, Akta Pembahagian 1958, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Selaras dengan tuntutan *NCWO* yang tidak putus-putus itu juga, Kerajaan telah mengambil perhatian dan langkah bagi menubuhkan Mahkamah Keluarga dan menyeragamkan Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negara.

Beberapa kemajuan perundang-undangan mengenai wanita yang dicapai sepanjang 10 tahun selepas penggubalan DWN di atas dapat disifatkan sebagai satu pencapaian yang memberangsangkan. Walaupun pihak-pihak tertentu, terutamanya Kerajaan dan media juga menyumbang kepada kemajuan-kemajuan berkenaan, daripada analisis yang dibuat, peranan *NCWO* dikenalpasti merupakan yang paling signifikan terhadap kemajuan-kemajuan itu.

5.8 Kesimpulan

Sepanjang perbincangan-perbincangan yang telah dilakukan dalam Bab 5 ini, peranan *NCWO* dalam pelbagai peringkat penggubalan dan pelaksanaan DWN didapati begitu signifikan dan penting. Kenyataan ini didasarkan kepada pelbagai bentuk langkah dan strategi konkret yang telah disusun dan diambil bagi memastikan DWN digubal dan juga memastikan dasar berkenaan mencapai matlamatnya.

DWN yang diisyiharkan dalam tahun 1989 berkenaan sememangnya bertepatan dengan masanya kerana keperluan dasar sedemikian pada tempoh itu sejajar dengan penglibatan wanita di pelbagai sektor pekerjaan dalam proses pembangunan negara. Keperluan penggubalan DWN ini juga sejajar dengan perkembangan di peringkat antarabangsa dan juga tuntutan-tuntutan yang diartikulasikan oleh beberapa pihak, terutamanya *NCWO* berkenaan. *NCWO* sendiri telah terlibat secara langsung dalam beberapa seminar di peringkat antarabangsa dan tempatan bagi memberikan input kepada Kerajaan dalam proses penggubalan DWN tersebut.

Langkah-langkah bagi mempengaruhi proses penggubalan DWN telah dilakukan oleh *NCWO* seawal tahun 1975, selaras dengan beberapa ketetapan yang dicapai dalam Persidangan Wanita Sedunia PBB yang pertama di Mexico City yang menuntut agar satu dokumen khas digubal oleh negara-negara anggota bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara. Langkah-langkah konkret *NCWO* bagi mempengaruhi proses penggubalan DWN berkenaan semakin jelas mulai tahun 1987 melalui penganjuran seminar “Ke Arah Penggubalan Dasar Wanita Negara” anjuran *NCWO* dengan kerjasama HAWA.

NCWO sendiri menyumbang kepada penggubalan dokumen DWN apabila sebahagian besar daripada memorandum dasar wanita oleh *NCWO* (setebal 44 halaman itu) dimaktubkan ke dalam DWN berkenaan. Secara kebetulan pula, ramai pemimpin *NCWO* seperti Fatimah Hamid Don, Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin, F.R. Bhupalan dan Ramani Gurusamy – yang secara langsung atau tidak langsung terlibat merumus memorandum *NCWO* berkenaan – adalah juga anggota *NACIWID* dalam beberapa penggal tertentu. Keanggotaan pemimpin-pemimpin *NCWO* berkenaan di dalam *NACIWID* sekaligus mengukuhkan peranan Majlis itu dalam mempengaruhi penggubalan **Dasar Wanita Negara 1989** itu.

Penglibatan dan keberkesanannya *NCWO* dalam mempengaruhi proses penggubalan DWN ini sebahagian besarnya disebabkan ketika idea bagi menggubal satu dasar khusus bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara tercetus, *NCWO* sebagai sebuah struktur organisasi telah menjadi semakin kukuh dengan adanya sumber-sumber yang semakin bertambah.

Selain terlibat dalam proses penggubalan, ternyata Majlis berkenaan juga berperanan aktif di pelbagai peringkat pelaksanaan bagi memastikan DWN mencapai matlamatnya. Sekali lagi, *NCWO* terlibat secara aktif menggubal **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** (mekanisme tambahan DWN di peringkat pelaksanaan) di samping menubuhkan pelbagai jawatankuasa di peringkat pelaksanaan berkenaan seperti Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Wanita Negara *NCWO* (1990) dan Jawatankuasa Penyelaras Dasar Wanita Negara *NCWO* (1993). Selanjutnya, *NCWO* telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi memantau pelaksanaan DWN berkenaan (*Women Watch*) yang sekaligus juga berfungsi memantau dasar-dasar dan undang-undang berkaitan dengan wanita yang lain.

Kesemua peranan dan kegiatan *NCWO* berkenaan, baik di peringkat penggubalan mahupun pelaksanaan DWN memperlihatkan bahawa sebagai sebuah struktur, *NCWO* merupakan organisasi payung wanita yang telah terlibat secara aktif di dalam sistem politik Malaysia di pelbagai peringkat politik. Penggubalan dan pengisytiharan DWN dalam tahun 1989 yang melibatkan peranan penting *NCWO* berkenaan sekaligus memperlihatkan bagaimana Majlis tersebut berkesan dalam melaksanakan fungsi-fungsi pengartikulasian isu-isu berkaitan kepentingan wanita di negara ini. Penubuhan pelbagai jawatankuasa *NCWO* di peringkat pelaksanaan dasar itu pula memperlihatkan betapa pemimpin-pemimpin Majlis itu mempunyai iltizam yang kuat bagi memastikan taraf wanita di negara ini ditingkatkan, sesuai dengan pembangunan negara yang semakin pesat. Pendeknya, Majlis berkenaan telah berfungsi sebagai agen pelaksana yang berkesan di negara ini.

¹ United Nations (1976). *World Plan of Action*. New York: United Nations.

² ACWO Echo. Vol.1 No.2, September 1986. Hlm. 8.

³ Dipetik dalam NCWO (1989a). *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1987-1989*. Kuala Lumpur: NCWO. Hlm. A21.

⁴ U.S. Bureau of the Cencus, International Data Base. Diperolehi dari www.census.gov/ipc/www/idbprint.html.

⁵ Dalam Rancangan Malaysia Ketiga misalnya, aspek wanita hanya disentuh seperti berikut:

...The role of women has become an increasingly important factor in both the developing and developed countries. Active participation and contribution of women in development outside the family circle are no longer saddled by prejudice and traditional conservatism. This is manifest by their leadership potential in the fight for individual rights and freedom in society, equal treatment and respect for individuals, irrespective of sex, race, culture, and religion, and the acceptance of human individual worth and capability in all walks of life. These are significant factors in a nation's search for character and identity. The contribution of women to the evolution of a strong and self-reliant society in Malaysia needs to be appreciated and taken into consideration in the agenda for rapid development and progress... (Kerajaan Malaysia, 1976:105)

⁶ Temu bual dengan Puan Sri Dato' Dr. Fatimah Hamid Don pada 2 Julai 2003, jam 10.00 pagi.

⁷ Sebelum HAWA ditubuhkan (1983), perkara mengenai hal ehwal kemajuan wanita diletakkan secara am di bawah Kementerian Buruh (mulai 1957 hingga 1978). Mulai tahun 1978, perkara mengenai hal ehwal wanita berkenaan diletakkan di bawah *Implementation and Coordination Unit (ICU)* yang sekaligus juga bertanggungjawab terhadap NACIWID. Dengan penubuhan HAWA dalam tahun 1983 itu, hal ehwal wanita diletakkan terus di bawah kuasa Jabatan Perdana Menteri.

⁸ HAWA (1986). *10 Tahun Kegiatan dan Pencapaian Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), 1976-1986*, Kuala Lumpur: Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA), Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 17.

⁹ Berkaitan dengan matlamat tertentu DWN itu, Fatimah Hamid Don, pemimpin NCWO yang terbabit secara langsung dalam penulisan draf dasar berkenaan antara lain ada menjelaskan bahawa matlamat DWN adalah mengintegrasikan wanita sebagai *equal partners* (rakan kongsi yang sama taraf) dalam perancangan dan sebagai pihak yang menikmati manfaat pembangunan. Penjelasan beliau ini antara lain membawa pengertian bahawa matlamat melibatkan wanita dalam pembangunan negara lebih merupakan matlamat negara yang hendak dicapai oleh DWN, sebaliknya matlamat mengintegrasikan wanita sebagai *equal partners* pula merupakan matlamat memajukan wanita yang hendak dicapai melalui DWN berkenaan.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Bermulanya keterlibatan NCWO dalam seminar ini dapatlah dikatakan sebagai bermulanya tahap kedua penglibatan Majlis itu dalam proses penggubalan DWN. Dalam tahap ini, peranan NCWO didapati begitu signifikan, lebih-lebih lagi jika hendak dibandingkan dengan tahap yang dibincangkan sebelum ini (antara tahun 1975 hingga 1986).

¹² Temu bual dengan Puan Ramani Gurusamy, Naib Presiden NCWO pada 4 Julai 2003, jam 3:40 petang.

¹³ Jika dilihat kandungan DWN yang digubal oleh Kerajaan dalam tahun 1989 itu dan sektor-sektor yang dikenalpasti di dalamnya, ternyata sebahagian besar daripadanya telah ditimbulkan dalam memorandum NCWO. Sebagai contoh, ketujuh-tujuh cadangan strategi dalam konteks jangka masa untuk membangunkan wanita yang terkandung dalam DWN merupakan strategi yang sama yang dikemukakan NCWO dalam memorandumnya.

¹⁴ BERITANITA. Bil. 5, Oktober-Disember 1988. Hlm. 1.

¹⁵ HAWA (1996a). *Dasar Wanita Negara*. Kuala Lumpur: Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA), Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 3.

¹⁶ Fatimah Hamid Don (1998). 'National Policy on Women: A Critique. Dalam Sharifah Zaleha Syed Hassan (ed.), *Malaysian Women in the Wake of Change*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Hlm. 126.

¹⁷ NCWO (1991). *Dasar Wanita Negara: Rancangan Tindakan*. Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO).

-
- ¹⁸ NCWO (1993). *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1991-1993*. Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ¹⁹ NCWO (1991). *op.cit.*
- ²⁰ BERITANITA. Bil. 24, April-Jun 1994. Hlm. 4.
- ²¹ Temubual dengan Puan Ramani Gurusamy, 4 Julai 2003.
- ²² HAWA (1993). *Pelan Tindakan Kebangsaan Dasar Wanita Negara*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
- ²³ Dokumen-dokumen lain yang turut dijadikan rujukan ialah **Rancangan Malaysia Keenam** (Bab XVI: Wanita dalam Pembangunan), *Nairobi Forward Looking Strategies for the Advancement of Women to the Year 2000* dan dokumen Dasar Wanita Negara.
- ²⁴ NCWO (1995). *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1993-1995*. Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO). Hlm. 84-85.
- ²⁵ NCWO (1998). *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1996-1998*. Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO). Hlm. 12.
- ²⁶ HAWA (t. t.). *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
- ²⁷ Istilah *Women's Watch* (istilah yang ditulis oleh NCWO dalam laporan-laporannya) tidak begitu tepat bagi menggambarkan fungsi dan peranan badan itu. *Women's Watch* boleh diterjemahkan sebagai 'jam tangan wanita'. Oleh itu, istilah *Women Watch* digunakan dalam kajian ini bagi merujuk kepada jawatankuasa pemantauan NCWO berkenaan.
- ²⁸ NCWO (2000). *Laporan Aktiviti-Aktiviti dan Pencapaian, 1998-2000*. Kuala Lumpur: National Council of Women's Organisations (NCWO).
- ²⁹ Kerajaan Malaysia (1991). *Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. Hlm. 461.
- ³⁰ HAWA (1996a). *Op. cit.* Hlm. 5.
- ³¹ *Ibid.* Hlm. 17.
- ³² Kementerian Sumber Manusia (1999). *Kod Amalan Bagi Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia.